

**Umno Akan Rosak Jika Pemimpin Terbabit Dalam Politik Wang  
Bernama  
13 Sept, 2013**

KUALA LUMPUR, 13 Sept (Bernama) -- UMNO akan menjadi sebuah parti yang 'rosak binasa' jika ada di kalangan pemimpinnya terbabit dengan amalan politik wang pada pemilihan parti bulan depan, kata Ketua UMNO Bahagian Cheras, Datuk Seri Syed Ali Alhabshee.

"Mereka yang memenangi jawatan dalam parti kerana menyogok wang kepada perwakilan merupakan pemimpin yang tidak bemaarua", tegas beliau dalam entri terbaru [www.umnobahagiancheras.blogspot.com](http://www.umnobahagiancheras.blogspot.com)

Justeru kata beliau, hanya tindakan tegas termasuk memecat keanggotaan mereka yang terbabit sebagai hukuman yang mampu menangani masalah tersebut.

Tambah beliau lagi, pemimpin yang mengamalkan budaya politik wang merupakan perasit yang akan menjadikan parti porak-peranda.

"Tanggungjawab memulihara nama baik UMNO terletak kepada seluruh anggotanya dan mereka berkewajipan menolak mana-mana pemimpin yang terbukti mengamalkan rasuah politik," tegasnya.

Beliau mengulas kenyataan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor bahawa anggota UMNO yang melanggar etika pemilihan parti bulan depan bakal berdepan tindakan tegas, termasuk digantung kenggotaannya.

Akhbar hari ini melaporkan Tengku Adnan sebagai berkata bahawa pihaknya mendapat maklumat di peringkat bahagian bahawa terdapat pihak bertindak negatif seperti mengoyak, membakar bahan kempen dan melakukan politik wang.

Sehubungan itu katanya, mana-mana anggota yang didapati bersalah melakukan kesalahan, pihak parti tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas.

Syed Ali yang juga Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, sudah sampai masanya UMNO melakukan tindakan drastik bagi memerangi anasir-anasir perosak dalam parti.

Katanya, isu berlakunya gejala politik wang, sogokkan berupa rasuah politik untuk membeli undi perwakilan dan mencerca sesama calon yang bertanding bukan perkara baru dalam parti. "Setiap kali berlakunya pertandingan dalam parti, gejala politik wang akan menjadi isu utama yang memberi gambaran seolah-olah perbuatan tidak beretika itu merupakan sebahagian daripada budaya UMNO," tegasnya.

Dalam perkembangan lain, Syed Ali menyifatkan kesediaan Anggota Jawatankuasa UMNO Bahagian Kulim Bandar Bharu, Raihan Suleiman Palestin untuk mencabar Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil bagi jawatan Ketua Pergerakan Wanita UMNO Malaysia sebagai menepati lunas-lunas demokrasi.

"Raihan mempunyai hak untuk berbuat demikian jika beliau berasakan mempunyai kekuatan dan peluang untuk menenangi jawatan tersebut," ujarnya.

Tambah beliau, tidak menjadi satu kesalahan untuk beliau menentang Shahrizat dan wanita UMNO kini mempunyai peluang membuat pilihan yang terbaik untuk masa depan sayap parti itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977430>